

# Juara silat dunia terus buru emas Sukan SEA

Shakir Juanda belum pasti Sukan SEA kali ini yang terakhir buat dirinya

► FAKHRURADZI ISMAIL  
mfismail@sph.com.sg

GELARAN juara dunia mungkin sudah sinonim dengan nama pesilat Singapura, Muhammad Shakir Juanda.

Namun, kemanisan menjuarai temasya Sukan SEA masih belum pernah dirasainya lagi.

Shakir, 29 tahun, mendamba agar dapat memungut pingat emas Sukan SEA yang sekian lama 'terlepas dari genggamannya' sejak beliau mewakili negara pada 2007.

Namun, semangat pendekar Melayu di dalam dirinya tidak pernah luput dan masih terus membakar, lebih-lebih lagi sebelum menangkis cabaran di gelanggang KLCC.

Hari demi hari, beliau bersama pesilat lain akan menghabiskan sebahagian besar waktu mereka hanya pada latihan.

Setiap titisan peluh dan darah yang mengalir menjadi saksi pada kegigihan dan kesungguhan juara dunia itu dalam mencapai matlamatnya di Kuala Lumpur nanti.

"Alhamdulillah, persediaan saya berjalan dengan baik dan seperti yang dirancang.

"Segala tumpuan saya kini sudah pun selaras dengan matlamat kami di Sukan SEA. Saya sudah bersedia menghadapi cabaran di KL ini," tegas Shakir ketika ditemui *Berita Minggu* baru-baru ini di OCBC Arena.

Keghairahannya menjejak kaki ke gelanggang temasya sukan dwitahunan itu boleh dikatakan berputik setelah terlepas peluang beraksi di acara utamanya di Sukan SEA 2015 disebabkan kecederaan lutut.

Shakir yang mempunyai sebutir pingat perak dan dua pingat gangsa Sukan SEA menjelaskan bahawa beliau sudah pun melupakan kekecewaan yang dialaminya dahulu.

Menurutnya lagi, sebelum setiap pertandingan, beliau akan membuka lembaran baru dan mengalu-alukan cabaran yang bakal dihadapi.

"Meskipun saya pulang dengan perasaan kecewa, saya percaya bahawa setiap yang berlaku ada hikmahnya dan saya telah belajar supaya melupakan perkara sedemikian kerana ia sudah lebih daripada dua tahun.

"Saya mahu melihat ke hadapan dan tidak ingin setiap kali mengimbas kembali peristiwa tersebut. Kini saya telah diberikan peluang ini sekali lagi dan apabila diberikan peluang ini, saya akan berlatih dengan bersungguh-sungguh.

"Bagi saya, selepas setiap pertandingan, saya akan memupuk set minda bahawa saya perlu bermula dari awal sekali lagi. Saya bukan jenis yang menyimpan dendam terhadap peluang yang terlepas," katanya.

Soalan yang sering dilontarkan kepadanya, yang juga merupakan salah seorang penerima Biasiswa Kecemerlangan Sukan (Biasiswa Spex), adalah tentang matlamat yang ingin dikecapinya di Sukan SEA KL memandangkan beliau merupakan juara dunia buat kali kedua.

Shakir, yang akan bertanding dalam Kelas I (85-90 kilogram), hanya mampu mengungkap:

"Insya-Allah, saya akan memberikan yang terbaik di dalam gelanggang nanti."

Beliau menambah: "Sebelum melangkah ke pertandingan ini, saya akan meletakkan set minda dan persediaan yang sama seperti sewaktu Kejuaraan Dunia - dengan membebaskan pemikiran dan tidak meletakkan sebarang tekanan di bahu saya jika saya ingin melakukan yang terbaik.

"Saya akan cuba menikmati perjalanan ini seberapa lama yang mampu dan pada masa yang sama memberikan yang terbaik apabila berada di dalam gelanggang.

"Tidak dapat dinafikan bahawa saya masih merasakan sedikit tekanan kerana saya merupakan salah seorang atlet harapan untuk merangkul pingat emas.

"Namun yang jelas, saya terlebih dahulu perlu menikmati proses ini agar dapat melakukan yang terbaik."

Mengongsi tentang rahsia kejayaannya, Shakir memberi kata-kata yang dijadikan pegangan atas kejayaan beliau:

"Lakukanlah yang terbaik dan biarkan Yang Maha Kuasa membantu melaksanakan urusan itu."

"Kalau kita buat yang terbaik, insya-Allah Tuhan akan membantu dan Tuhan tahu apa yang terbaik untuk kita. Saya tidak akan berasa kesal dengan keputusan nanti," katanya lagi.

Temasya Sukan SEA 2017 ini merupakan kali keenam beliau akan mewakili Singapura dan walaupun per-



LANGKAH JUARA SILAT DUNIA: Shakir, 29 tahun, ingin meraih pingat emas Sukan SEA yang sekian lama 'terlepas dari genggamannya' beliau mewakili negara pada 2007. - Foto FAKHRURADZI ISMAIL

## SKUAD PENCAK SILAT NEGARA

Pengurus Pasukan: Sheik Alau'ddin Yacoob Marican

Skuad Nasional: Dianggotai 20 pesilat yang dibarisi oleh Iqbal Rahman, Hamillatu Arash, Nujaid Hasif, Nur Azlyana Ismail, Nurhanishah Shahrudin, Syafiqah Faizul, Nurzuhairah Yazid, Abdul Raaziq Rashid, Atiq Syazwani Roslan, Syahir Agus, Haziq Zainal Abidin, Affian Juma'en, Ridwan Selamat, Shakir Juanda, Nur Abdul Ghani Kamaruddin, Nur Hakim Norshamsuddin, Nurul Shafiqah Saiful, Nurul Suhalia Saiful, Sheik Farnan dan Sheik Ferdous

Pencapaian di Sukan SEA 2015:  
Satu Emas.  
Satu Perak.  
Enam Gangsa.

nah meluahkan hasrat menjadi mentor dan jurulatih kepada pesilat muda negara, Shakir enggan memberikan kata putus sama ada Sukan SEA tahun ini akan menjadi yang terakhir baginya.

"Saya masih belum membuat sebarang keputusan lagi. Sebelum ini saya pernah mendedahkan hasrat menjadi jurulatih dan alhamdulillah, sejauh ini saya telah pun mengumpul sebanyak mungkin pengalaman yang diperlukan.

"Saya sudah pun mengajar di peringkat sekolah, kelab dan juga melatih atlet muda negara dengan sijil Program Pentauliahan Kejurulatihan Nasional (NCAP) yang telah saya perolehi.

"Hakikatnya, saya masih belum tahu apa langkah saya seterusnya selepas Sukan SEA ini.

"Insya-Allah, jika saya rasa saya mampu lagi bersaing, saya akan tetap bersaing. Namun, buat masa ini, perkara ini tidak berada di dalam fikiran saya," ujar beliau.